



SARANAN

- Pastikan nama yang tertera di atas label ubat adalah nama awda sendiri. Jika nama yang tertera adalah nama orang lain, sila kembalikan kepada pihak farmasi.
- Jangan menggunakan atau mengambil ubat orang lain.
- Baca arahan-arahan di atas label sebelum menggunakan atau mengambil ubat tersebut.
- Patuhi amaran-amaran tambahan yang disertakan di atas label.
- Jangan menggunakan sebarang ubat-ubatan dari bekas yang tidak berlabel.
- Jika ada soalan berhubung dengan ubat-ubatan awda, sila hubungi ahli farmasi yang berdekatan untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut.

PERINGATAN

Kegagalan dalam mematuhi Peraturan Ubat (Perlabelan), 2010 adalah menjadi satu kesalahan yang mana jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi \$5,000; penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua - duanya sekali.

Jika awda mendapati label produk ubat awda tidak mematuhi peraturan ini, sila laporkan dan hubungi:

BAHAGIAN KOMPLIANS DAN PERLESENAN

**JABATAN BERKHIDMATAN FARMASI
TINGKAT 1, BANGUNAN JABATAN
PERKHIDMATAN FARMASI,
KG MADARAS, MUKIM GADONG.**



2393298 / 2393301 / 2393230 ext 208



pharmacy.enforcement@moh.gov.bn

LABEL UBAT

Apa yang Awda perlu tahu?



Jabatan Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan
Brunei Darussalam

PERATURAN UBAT (PERLABELAN UBAT), 2010

Semua produk-produk ubat yang didispens di Negara Brunei Darussalam samada di dispensari kerajaan atau swasta adalah diwajibkan untuk dilabel selaras dengan Peraturan 3 di bawah Peraturan (Pelabelan) Ubat-Ubatan, 2010.

TUJUAN DAN KEPENTINGAN LABEL UBAT

Ubat-ubatan mempunyai berlainan bentuk, dan bermacam warna, walaubagaimanapun, kebanyakan ubat-ubatan kelihatan serupa.

Tujuan label ubat adalah untuk memberikan pengenalan yang jelas terhadap ubat-ubatan yang dibekalkan atau didispens dan arahan penggunaan yang betul dan selamat.

Label ubat memberi maklumat mengenai:

- Nama pesakit yang dibekalkan ubat tersebut
- Nama atau isi kandungan ubat
- Tarikh ubat dibekalkan atau didispens
- Dos atau kekuatan ubat
- Cara penggunaan atau pengambilan yang betul
- Nama dan alamat premis dibekalkan atau didispens

Maklumat tambahan:

- Amaran-amaran tambahan seperti: "Dimakan untuk 5 hari", "Makan sebelum atau bersama makanan"
- Tarikh Mansuh
- Mengetahui cara penyimpanan ubat-ubatan seperti: "Simpan di dalam peti sejuk"

KEPENTINGAN MEMAHAMI LABEL UBAT

Label ubat juga mengandungi maklumat yang penting untuk memastikan awda:

- Mematuhi arahan doktor
- Mendapat rawatan yang optima
- Menggunakan ubat yang dikhaskan untuk diri sendiri sahaja
- Mematuhi amaran-amaran tambahan
- Mengambil ubat-ubatan yang tidak mansuh

APA YANG BOLEH TERJADI JIKA TIDAK MEMBACA LABEL UBAT

- Menggunakan atau mengambil ubat yang bukan dikhaskan untuk awda
- Kesan sampingan akibat tidak mematuhi cara penggunaan yang betul dan amaran-amaran tambahan
- Tidak mendapat rawatan yang optima
- Menggunakan atau mengambil ubat yang sudah mansuh

MAKLUMAT YANG TERDAPAT PADA LABEL UBAT

